

UUM ONLINE: Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Ab Rahim Md Noor mencabar Universiti Utara Malaysia (UUM) meraih Hadiah Nobel dalam bidang pengurusan kerana beliau berkeyakinan penuh dengan kemampuan universiti ini dalam meraih anugerah tertinggi berkenaan.

"Melihat usaha keras UUM dalam melakukan pelbagai perubahan dalam bidang pentadbiran serta akademik untuk mencapai hasrat menjadi *Top Business School* dalam tempoh terdekat ini, saya percaya dan yakin UUM mampu meraih Hadiah Nobel dalam bidang pengurusan.

"Malah, saya juga berkeyakinan tinggi UUM akan menjadi pusat rujukan dalam negara dan rantau ini dalam penyelidikan pengurusan kerana UUM satu-satunya universiti di Malaysia yang dikhususkan kepada bidang pengurusan," katanya sewaktu berucap merasmikan Hari Inovasi dan Majlis Penganugerahan Universiti 2011 di Dewan Mu'adzam Shah, 21 Julai lalu.

Selain itu juga, Ab Rahim turut menawarkan diri untuk membantu dan berkerjasama dengan universiti ini dalam usaha menjayakan pelan strategik UUM.

"Dengan pengalaman luas sepanjang berada di Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), saya akan membantu UUM dari bentuk kewangan serta buah fikiran untuk menjayakan pelan strategik UUM," tambahnya lagi.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak ketika ditemui berkata, beliau bersyukur dan berterima kasih atas kesudian Ketua Setiausaha KPT untuk sama-sama membantu UUM.

"Kesungguhan yang ditunjukkannya, jelas menunjukkan bahawa beliau berkeyakinan tinggi dalam membantu UUM.

"Oleh itu, *Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business* UUM (OYA GSB UUM), *Research Innovation Management Centre* (RIMC), Jabatan Pendaftar serta Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) akan duduk semeja dengan beliau dalam memperhalusi pelan strategik dalam memastikan segala perancangan kita mencapai matlamat," katanya.

Selain itu, beliau menganggap cabaran yang dilontarkan Ab Rahim dalam meraih Hadiah Nobel adalah cabaran yang besar dan memerlukan tempoh jangka masa yang panjang.

"Saya percaya, sekiranya kita bekerja bersungguh-sungguh dan mengikut segala perancangan kita akan berjaya ke tahap itu. Ini kerana beliau yakin bahawa UUM mampu mencapainya kerana untuk memperolehi pengiktirafan itu agak mudah kerana kita adalah universiti dalam bidang pengurusan.

"Malah beliau juga berkata kos yang murah dan mudah dalam bidang pengurusan berbanding universiti sains dan teknologi, mampu membawa UUM mencapai *Top Business School* dalam tempoh terdekat dan seterusnya berkemampuan untuk meraih Nobel dengan bekerja bersungguh-sungguh dan menggunakan strategi dengan betul," tambahnya.

Ketika diminta mengulas mengenai cabaran Ab Rahim untuk menjadikan laman sesawang UUM terbaik di Malaysia, Dr Mohamed Mustafa menyahut cabaran itu dan yakin dengan kemampuan Pusat Komputer UUM untuk menjadikan laman sesawang UUM nombor satu dalam Malaysia.

"Saya yakin, dengan kesungguhan bekerja dan sentiasa memperbaharui maklumat dalam portal yang sarat dengan ilmu pengetahuan, kita mampu meraihnya.

"Dengan keunikan dan nilai tambah yang ada dalam laman sesawang UUM boleh menjadikannya yang terbaik dalam Malaysia," tambah beliau lagi.

Sementara itu, pada Hari Inovasi dan Majlis Penganugerahan Universiti 2011, menyaksikan seramai 205 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta pemenang anugerah pelbagai kategori lain juga dirai.

Terdahulu, dalam ucapan perasmian oleh Ab Rahim, menaucapkan tahniah pada